Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Unit 1

## Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)

**1.** Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

(a) __________ gender bermaksud pandangan yang ditetapkan oleh masyarakat secara umum tentang ciri-ciri seseorang seperti jantina, ras atau budaya.

Stereotaip ☐ Orientasi ☐

(b) Identiti gender dan peranan gender dapat membentuk satu stereotaip gender dan __________ mengikut norma keluarga, budaya dan masyarakat.

diskriminasi ☐ kesaksamaan ☐

(c) __________ gender merujuk tatacara yang memperlihatkan aspek perwatakan, sikap, tingkah laku, hak serta tanggungjawab individu yang diterima oleh masyarakat.

Peranan ☐ Identiti ☐

(d) Kebanyakan individu mempelajari peranan gender, watak dan tanggungjawab masing-masing dalam masyarakat melalui proses __________.

sosialisasi ☐ personaliti ☐

(e) __________ gender perlu ditekankan dan ditegakkan dalam semua aspek kehidupan.

Ketidakadilan ☐ Kesaksamaan ☐

(f) Proses sosialisasi ini melibatkan pembentukan peranan gender melalui proses pemerhatian dan __________ iaitu mengikuti apa-apa yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang berikutnya.

peniruan ☐ pembelajaran ☐

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**2.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang menjadi punca kemarahan.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Berasa malu, tidak berguna. | |
| (b) | Memenuhi harapan atau jangkaan diri sendiri. | |
| (c) | Mencapai hasrat, idaman atau cita-cita sendiri. | |
| (d) | Jiran anda membuka bising pada waktu malam sehingga mengganggu ketenteraman awam. | |
| (e) | Ibu bapa Sze Kiat selalu membanding keputusan pelajarannya dengan sepupunya. | |
| (f) | Izati sentiasa berfikir secara positif walaupun menghadapi kehidupan yang penuh dengan cabaran. | |
| (g) | Ming Chih disingkirkan daripada pasukan bola keranjang kerana alasan disiplin. | |
| (h) | Kesan ketagihan dan penyalahgunaan bahan. | |
| (i) | Delisha mengekalkan hubungan yang baik dengan keluarga. | |
| (j) | Sebagai seorang ketua kumpulan, Amirul cuba menyelesaikan perbezaan pendapat ahli kumpulannya melalui perbincangan. | |

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

**3.** Padankan ciri-ciri yang diberi dengan kategori persahabatan.

**Ciri-ciri**

- Individu yang sudah lama dikenali dan sering meluangkan masa dan melakukan aktiviti bersama.
- Individu yang sangat rapat dan mesra.
- Mereka merupakan rakan sepasukan anda atau rakan yang menghadiri kelas yang sama.
- Mereka merupakan tonggak dalam kehidupan seorang remaja.

**Kategori**

- Kenalan
- Sahabat biasa
- Sahabat karib
- Sahabat intim

**Ciri-ciri**

- Kumpulan individu yang anda kenal dan sering berjumpa semasa berada di sekolah.
- Kumpulan individu yang wujud dalam kehidupan dan mempunyai minat atau hala tuju yang mungkin sama.
- Individu yang boleh berkongsi perasaan, pendapat dan pandangan peribadi.
- Mereka selalu menonton wayang, saling kunjung-mengunjung dan makan bersama dengan anda.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Unit 2 Pemakanan

**1.** Isi tempat kosong tentang keperluan harian kalori mengikut kumpulan umur, jantina, aktiviti fizikal dan fisiologi dengan perkataan yang sesuai.

| | | | |
|---|---|---|---|
| kurang aktif | tenaga | berbeza | kalori |
| aktif | manusia | fisiologi | makanan |

(a) Keperluan pemakanan ____________ pada setiap peringkat kehidupan seseorang.

(b) Jumlah kalori yang diperlukan oleh remaja bergantung kepada beberapa faktor termasuklah umur, jantina, ____________ dan tahap aktiviti fizikal.

(c) Keperluan kalori harian seorang remaja lelaki yang ____________ berumur 13 – 15 tahun ialah 2 480 kalori.

(d) Keperluan kalori harian seorang remaja perempuan yang ____________ berumur 13 – 15 tahun ialah 1 580 kalori.

(e) Menu ____________ yang dirancang perlu bersesuaian dengan aktiviti dan keperluan kalori.

(f) ____________ boleh diperolehi daripada makanan.

(g) Kalori diperlukan sebagai sumber tenaga ____________.

(h) Remaja yang ingin mengurang, mengekal atau menambah berat badannya perlu menentukan berapa banyak ____________ yang diambil.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Nama: ____________________ Kelas: ____________ Tarikh: ____________

# Praktis Ekstra Unit 3 Pertolongan Cemas

**1.** Berdasarkan pernyataan tentang prosedur R.I.C.E, tandakan (✓) pada prinsip R.I.C.E. yang betul.

(a) Bawa orang yang cedera ke tempat yang redup, selamat, dan selesa.

| R | | | E | |
|---|---|---|---|---|

(b) Tujuan adalah untuk mengurangkan bengkak, kesakitan dan pendarahan.

| E | | | I | |
|---|---|---|---|---|

(c) Meletakkan beg ais ke atas bahagian yang cedera dengan segera.

| R | | | I | |
|---|---|---|---|---|

(d) Tuaman dengan balutan anjal ke atas bahagian yang cedera.

| C | | | I | |
|---|---|---|---|---|

(e) Prosedur ini adalah meninggikan bahagian yang cedera.

| E | | | R | |
|---|---|---|---|---|

(f) Jika bahagian yang cedera melibatkan lengan, gunakan anduh untuk meninggikannya dari paras jantung.

| I | | | E | |
|---|---|---|---|---|

(g) Balutan boleh dilakukan ke atas pek ais selama 10 minit pertama.

| C | | | I | |
|---|---|---|---|---|

(h) Pastikan satu tuala atau kain anduh diletakkan di antara bahagian yang cedera dengan beg ais bagi mengelakkan ais bersentuhan terus dengan kulit.

| I | | | E | |
|---|---|---|---|---|

(i) Jika murid disyaki mengalami fraktur atau patah tulang, sila hubungi 999 dengan segera.

| C | | | R | |
|---|---|---|---|---|

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*